

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN MICHAEL TEO YU KENG**  
**[MIRI]**  
**TARIKH : 05 DISEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 33**

**Y.B. TUAN MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah warga emas yang telah mengalami kerugian kesan daripada kes "pelaburan" UOB/Swiber dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Menteri Kewangan dan Bank Negara untuk membantu warga emas yang terlibat; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengelakkan kejadian yang sama daripada berlaku lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Swiber Holdings Limited (Swiber) adalah sebuah syarikat Singapura yang menyediakan perkhidmatan sokongan untuk industri minyak dan gas (O&G). Bon yang diterbitkan oleh syarikat Swiber ini hanya boleh dibeli oleh pelabur yang sofistikated, termasuk pelabur institusi dan juga individu dengan nilai bersih yang tinggi (*high net worth individuals*).

Memandangkan bon tersebut tidak berasal dan tidak dijual di Malaysia, pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) tidak mempunyai bidangkuasa sekiranya rakyat Malaysia membeli bon tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bon-bon yang diterbitkan di Malaysia perlu mematuhi garis panduan SC seperti berikut:-

- i. Garis Panduan mengenai Produk Pasaran Modal Tidak Tersenarai di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar; dan
- ii. Garis Panduan mengenai Terbitan Bon Korporat dan Sukuk kepada Pelabur Runcit.

Para pelabur adalah dinasihatkan untuk mengetahui dan memahami semua maklumat dan risiko berkaitan dengan pelaburan sebelum meletakkan wang dalam sebarang pelaburan.